



TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
DASAR DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN
EDUCATIONAL POLICY AND DEVELOPMENT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 3, BLOK E8, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8884 6149
Faks : 03-8884 6146
Portal : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM/TKPPM/DPP/1/15 JLD.3 (79)

Tarikh : 16 Januari 2020

**Pengetua dan Guru Besar
Semua Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah**

Tuan/Puan,

PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama persatuan-persatuan industri buku negara, akan menganjurkan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2020 (PBAKL 2020) kali ke-39 bermula pada **27 Mac hingga 5 April 2020** bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Waktu lawatan ke PBAKL 2020 adalah bermula dari jam 10:00 pagi hingga 10:00 malam setiap hari. Masuk adalah **percuma**.

3. Untuk makluman, PBAKL 2020 merupakan pesta buku yang terbesar dan terunggul di negara ini. PBAKL 2020 akan disertai penerbit buku tempatan dan penerbit dari luar negara.


4. Sehubungan itu, kerjasama adalah dimohon untuk memaklumkan kepada guru-guru dan murid-murid di sekolah tuan/puan bagi menggalakkan mereka mengunjungi PBAKL 2020. Pihak sekolah dimohon untuk mengemukakan permohonan lawatan melalui Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Urus Setia PBAKL 2020 (MBKM) ditalian telefon 03-8321 7011, emel: mbkm@moe.gov.my atau portal PBAKL 2020 www.klibf.my.

Kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh pihak tuan/puan diharap dapat memeriahkan lagi penganjuran PBAKL tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. HABIBAH BINTI ABDUL RAHIM)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Dasar dan Kurikulum)
Kementerian Pendidikan Malaysia

No. Tel.: 03-88846149

No. Faks: 03-88846146

Emel: habibah@moe.gov.my

s.k.:

- i. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)
- ii. Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- iii. Semua Pengarah Pendidikan Negeri
- iv. Semua Pegawai Pendidikan Daerah